

# Cintai alam elok bermula dari rumah

B-H 05/01/08 M/S 28

**K**INI dan masa depan, isu alam sekitar menjadi cabaran cukup penting untuk dihadapi. Bagaimana kita sebagai pengguna dapat mengatasi cabaran ini? Kita boleh menjalankan tanggungjawab menyelamatkan bumi menerusi pelbagai cara, termasuk:

- Bawa beg sendiri untuk mengisi barang yang dibeli ketika membeli-belah kerana beg plastik tidak mesra alam dan tidak boleh biodegradasi;

- Menggunakan basikal atau berjalan kaki ke kedai atau kawasan berdekatan. Ini adalah amalan 100 peratus mesra alam dan menyihatkan tubuh badan;

- Tutup suis televisyen, stereo dan komputer apabila tidak digunakan kerana peralatan ini menggunakan antara 10 hingga 60 peratus sumber tenaga, yang boleh menyumbang kepada pemanasan global;

- Sediakan sendiri dan bawa bekal ke tempat kerja atau sekolah, makanan ini lebih menyihatkan dan menjimatkan jika dibanding membeli makanan di luar;

- Kumpulkan kertas yang digunakan di rumah dan hantar ke pusat

kitar semula kerana mengitar semula produk berasaskan kayu dapat menyelamatkan jutaan pokok setahun;

- Hentikan penggunaan racun makhluk perosak, tanam tumbuhan tertentu di laman anda, seperti pudina dan selasih boleh membantu menghindar serangga perosak;

- Gunakan lampu kalimantang kerana lampu jenis ini menggunakan hanya suku tenaga elektrik dan tahan empat kali lebih lama berbanding mentol lampu biasa;

- Sebelum membuka peti sejuk, tentukan terlebih dulu barang yang ingin diambil, jika kerap membuka peti sejuk ia merugikan tenaga elektrik dan menyebabkan bil elektrik meningkat;

- Elakkan daripada menggunakan bahan berasaskan stirofom kerana bahan ini tidak boleh biodegradasi dan menyebabkan kemusnahan lapisan ozon;

- Jadilah sukarelawan projek penghijauan di kawasan anda atau sertai program alam sekitar di tempat anda;

- Anda boleh mendinginkan rumah dengan cara yang mudah dengan menggunakan pembidai atau

langsir berwarna putih bagi mengurangkan pemanasan, penggunaan pendingin hawa boleh menyumbang kepada pemanasan global;

- Beli produk tanaman keluaran tempatan. Ia bukan saja menjimatkan, tetapi juga menampung kehidupan petani tempatan;

- Kurangkan pembuangan sampah, jangan gunakan produk pakai buang seperti pinggan kertas atau kertas tisu serta peralatan dan cawan plastik; dan

- Menjimatkan penggunaan air turut menjimatkan tenaga elektrik kerana proses membekalkan air dan menyaring sisa kumbahan menggunakan tenaga elektrik yang banyak.

Hakikatnya, kita hanya mempunyai dunia ini saja untuk hidup, yang perlu dipulihara untuk generasi akan datang. Mulakan hidup yang hijau pada tahun baru ini, perubahan tabiat adalah sukar, tetapi ingatlah masa depan anak kita. Perlindungan terbaik adalah perlindungan diri sendiri.

Gabungan Persatuan Pengguna Malaysia (Fomca) mendapati sikap pengguna terhadap alam sekitar masih boleh dipersoalkan, walaupun ia

adalah sebahagian daripada hak mereka iaitu untuk mendapatkan persekitaran yang bersih dan selamat untuk hidup.

Persoalannya, adakah kita melihat hak ini secara serius? Siapa yang bertanggungjawab menyediakan persekitaran sebegini kepada kita? Sebagai pengguna, kita perlu mempraktikkan penggunaan lestari untuk menjadikan persekitaran kita yang bersih dan selamat.

Ini membabitkan penggunaan perkhidmatan atau produk yang berkaitan serta tindak balas kepada keperluan asas membawa kualiti hidup yang baik. Pada masa sama ia mengurangkan penggunaan sumber asli, bahan toksik, pembuangan sisa serta bahan cemar supaya tidak menjejaskan masa depan generasi akan datang.

Produk dan perkhidmatan untuk pengguna sememangnya memberikan kesan kepada alam sekitar sebelum dan juga selepas kita menggunakannya.

Merancang pembelian dan mengubah corak penggunaan akan membantu memulihara alam sekitar, contohnya jika kita berhenti menggunakan plastik, masalah besar di tapak

pelupusan sampah dapat diatasi, namun ia adalah mustahil memandangkan ketiadaan bahan ganti plastik yang sedia ada dalam pasaran ataupun perubahan tabiat pengguna.

Kita perlukan satu mekanisme, yang dikenali Mekanisme CIG membabitkan Perkongsian antara Pengguna (C), Industri (I) dan Kerajaan (G) bagi memastikan alam sekitar lestari tercapai.

Kerajaan bertanggungjawab dalam pelaksanaan undang-undang dan juga pendidikan yang berterusan, melalui pelaksanaan dan pendidikan yang berkesan kita, dapat mewujudkan kesedaran dan etika di kalangan industri dan pengguna.

Pihak industri pula perlu memastikan prosedur dan peraturan dipatuhi bagi memastikan produk atau perkhidmatan yang mesra alam diberikan kepada pengguna yang akhirnya mendapat manfaat daripada tindakan kedua-dua pihak ini, yang menghasilkan perkongsian bijak.

**PIARAPAKARAN  
SUBRAMANIAM,**

*Pengurus Bahagian Alam Sekitar  
Fomca.*